

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HMT 124 - Sejarah dan Nahu Tradisional Bahasa Melayu

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT [4]** soalan di dalam **LIMA [5]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Kelaskan perkataan daripada teks di bawah ini mengikut golongan kata yang berikut:
kata nama (kn), kata kerja(kk), kata sendi(ksn), kata hubung(kh) dan kata keterangan(kktrg), kata bilangan(kbil).

Contoh:

Kematian Lima Pelatih Pusat Serenti Sg Ruan Akibat Broncho Pneumonia	Kn	kbil	kn	kn	kn	kn	kk	kn	kn
--	----	------	----	----	----	----	----	----	----

PUTRAJAYA, 1 Okt (Bernama) -- Kematian lima pelatih Pusat Serenti Sungai Ruan, Raub, Pahang dalam tempoh antara 6 dengan 21 Jun lepas adalah berpunca daripada "broncho pneumonia" iaitu masalah saluran pernafasan, bukannya disebabkan wabak atau penyakit misteri.

Ketua Pengarah baru Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) Wan Ibrahim Wan Ahmad berkata laporan bedah siasat ke atas kelima-lima mayat pelatih itu menunjukkan kematian itu bukan disebabkan kecuaian pentadbiran daripada segi kebersihan mahupun perbuatan khianat.

"Dua pelatih meninggal dunia akibat dijangkiti HIV dan AIDS manakala tiga lagi mati kerana daya ketahanan badan mereka kurang.

"Adalah tidak benar sekiranya kita membuat andaian kononnya pelatih-pelatih itu mati disebabkan oleh penyakit misteri," katanya selepas menerima tugas sebagai Ketua Pengarah baru pada Majlis Penyerahan Tugas daripada bekas Ketua Pengarah ADK Datuk Salleh Mat Som di sini hari ini.

Salleh dilantik sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Aseh Che Mat.

[40 markah]

2. Senaraikan frasa keterangan yang terdapat dalam teks yang berikut. Cadangkan nama yang sesuai bagi frasa keterangan itu.

Bomoh Dan Pakar Agama Bantu Kes Jenayah Pukau

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Polis mempunyai kepakaran dalam bidang keagamaan di samping meminta nasihat bomoh untuk mengatasi masalah jenayah pukau yang dilakukan di dalam negara, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung.

Beliau berkata memang terdapat peratusan kecil kes jenayah di negara ini yang kononnya ada mempunyai elemen pukau. "Buat masa ini tidak terdapat bukti yang kukuh (mengenai perkara itu). Tetapi dalam dua tiga tahun ini nampaknya pukau dah hilang, toyol pun dah hilang," katanya menjawab soalan Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datoh) di Dewan Rakyat Selasa.

Menjawab soalan asal Ahmad Zahid, beliau berkata pada tahun 1999 terdapat 169,115 kes jenayah dan 3,970 atau 2.35 peratus kes daripadanya melibatkan pendatang asing. Pada tahun lepas pula, daripada 167,173 kes jenayah, sebanyak 2,411 kes atau 2.27 peratus kes melibatkan pendatang asing. Sepanjang Januari hingga Ogos tahun ini, terdapat 106,085 kes jenayah dan 2.27 peratus kes atau 2,411 daripadanya melibatkan pendatang asing. Chor berkata pada tahun lepas polis menumpaskan 41 kumpulan penjenayah pendatang asing, lapan orang ditembak mati, 127 ditangkap dan sebanyak 409 kes diselesaikan. Dalam tempoh Januari hingga Ogos tahun ini

pula sebanyak 25 kumpulan ditumpaskan, tiga ditembak mati, 98 orang ditangkap dan 90 kes diselesaikan. Menjawab soalan tambahan Amihamzah Ahmad (BN-Lipis) beliau berkata daripada kajian dan perangkaan polis, cuma terdapat peratusan kecil penjenayah pendatang tanpa izin balik ke negara asal selepas melakukan jenayah. "Mereka ini mempunyai fikiran sekiranya mereka berjaya melakukan jenayah, mereka akan cuba mengulang tindakan itu kerana menganggap mereka akan selamat," katanya. Chor berkata pada masa ini terdapat 810,695 pekerja asing yang sah dan jumlah pendatang tanpa izin di negara ini pula dianggarkan tidak lebih 400,000 orang. – BERNAMA

[20 markah]

3. [b] Berdasarkan teks berikut dan dengan memberi alasan yang munasabah cuba anda kenalpasti sekurang-kurangnya 5 contoh bagi setiap satu yang berikut:

- [i] kata kerja transitif
- [ii] kata kerja tak transitif
- [iii] frasa endosentrik
- [iv] frasa eksosentrik
- [v] objek langsung
- [vi] objek tak langsung
- [vii] pelaku/agen
- [viii] penderita/penerima
- [ix] paradigmatis
- [x] sintakmatik

October 03 , 2001 15:40PM

Polis Malaysia Dan Thai Akan Terus Tingkatkan Kerjasama

PADANG BESAR, 3 Okt (Bernama) -- Polis Malaysia dan Thailand akan terus meningkatkan kerjasama membanteras kegiatan jenayah, terutama yang membabitkan kawasan sempadan, kata Ketua Polis Perlis, Datuk Mohd Radzali Shah Lason.

Katanya, ikatan kerjasama itu yang terjalin sejak lama dahulu telah membawa pelbagai kejayaan, terutama dalam menyelesaikan kes-kes jenayah, termasuk kegiatan mencuri kenderaan.

Bercakap kepada pemberita selepas menyerahkan sebelas motosikal curi kepada polis Thailand di sini Rabu, Mohd Radzali berkata, penyerahan kenderaan itu adalah antara simbol kerjasama tersebut.

Katanya, motosikal itu yang dicuri di Thailand, telah ditemui oleh polis Malaysia di Perlis sejak beberapa tahun lalu.

"Polis Malaysia dan Thailand akan mengesan sindiket mencuri kenderaan itu untuk ditumpaskan," katanya.

Pada majlis itu, Mohd Radzali turut menerima penyerahan motosikal yang disyaki telah dicuri di Malaysia dan dirampas di negara itu.

Penyerahan itu dilakukan oleh Timbalan Ketua Polis Wilayah Songkhla, Kol Thanak Charone Suwah pada majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Polis Padang Besar.

Tanak dalam sidang medianya yang diterjemahkan ke Bahasa Malaysia mengucapkan terima kasih kepada polis Malaysia yang sentiasa memberi kerjasama kepada mereka.

Katanya, melalui kerjasama itu, kegiatan penyeludupan di sempadan Perlis/wilayah Songkhla adalah terkawal.

Sempena majlis itu, enam anggota polis Thailand menerima sijil kepujian daripada Ketua Polis Perlis kerana kejayaan merampas motosikal curi itu.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah dua pegawai kanan polis Thailand iaitu Ketua Polis Daerah Sadao, Kol Charawat Udom Suk dan Ketua Polis Daerah Padang Besar (Thailand), Lt Kol Suraded Nari.

[20 markah]

4. Buat ayat yang berlainan daripada perkataan yang disenaraikan untuk menunjukkan kata tersebut boleh hadir dalam beberapa golongan kata yang berlainan. (Jika perlu anda dibenarkan menggunakan imbuhan).

- [a] makan
- [b] kejam
- [c] buku
- [d] sapu
- [e] mati
- [f] asing
- [g] pulau
- [h] ketam
- [i] gambar
- [j] sekolah

[20 markah]

-- oo000oo --